

# Untuk pasarkan keluaran B-putera Penubuhan syarikat dagang am dikaji: Dr.M

KUANTAN, Khamis — Kerajaan sedang mengkaji untuk menubuhkan syarikat perdagangan am bagi memasarkan barang-barang keluaran usahawan Bumiputera ke pasaran dunia.

Ketika mengemukakan demikian Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan tertarik dengan cara yang dilakukan oleh Jepun dengan menubuhkan syarikat serupa itu.

Bellau percaya tanpa syarikat serupa itu tidak mungkin barang-barang buatan Bumiputera dapat dipasarkan atau mendapat tempat di pasaran dunia.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir belum dapat memberikan butir-butir lanjut mengenai penubuhan syarikat itu di negara ini.

Bellau menyatakan demikian di majlis meraiakan beliau di sebuah hotel di sini malam tadi anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Pahang.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan sekali lagi tentang rancangan Kerajaan untuk menumpukan perhatian kepada perusahaan kecil.

Katanya, Kerajaan sedang mengkaji jenis-jenis perusahaan kecil yang boleh disertai oleh pengusaha-pengusaha kecil Bumiputera.

Menurutnya, Kerajaan juga mengambil berat masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong Bumiputera berikutan kenaikan harga barang-barang binaan.

Katanya, salah satu cara yang dijalankan oleh Kerajaan ialah membekalkan bahan-bahan besi dan simen supaya pemborong-pemborong kurang menghadapi tekanan kenaikan harga.

Timbalan Perdana Menteri juga menyebut tentang usaha Kerajaan mengambil berat memorandum Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia mengenai rombongan pelaburan ke luar negeri.

Dalam memorandum itu, Dewan tersebut berpendapat rombongan seperti itu tidak mendatangkan faedah kepada ahli-ahli Dewan kerana hanya ditumpukan kepada perusahaan besar sahaja.

Sementara itu, dalam ucapannya, Menteri Besar Haji Abdul Rahim Abu Bakar berkata, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan dasar baru melalui agensi dan anak-anak syarikatnya bagi membantu peniaga dan usahawan Bumiputera.

Sebagai langkah pertama, katanya, kesemua agensi Kerajaan dan anak-anak syarikatnya dikehendaki menjadi ahli Dewan perniagaan dan Perusahaan Melayu Pahang.

Katanya, badan-badan tersebut telah membuat permohonan menjadi ahli Dewan itu mulai awal tahun ini dan dasar baru Kerajaan ini bertujuan membantu ahli-ahli Dewan itu dalam semua aspek termasuk bantuan tenaga kepakaran.

Haji Abdul Rahim berkata, Kerajaan sentiasa berusaha dan mengkaji setiap kelemahan ahli-ahli perniagaan dan usahawan Bumiputera dan berharap mereka menyambut baik langkah Kerajaan.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Senator Kamarul Ariffin berkata, pihaknya sentiasa berusaha dan mengkaji setiap kelemahan ahli-ahli perniagaan dan usahawan Bumiputera yang belum mendapat faedah sepenuhnya dari kemudahan-kemudahan yang belum disediakan oleh Kerajaan.

Katanya, pihaknya sanggup berkerjasama dengan Kerajaan untuk menyalut masalah ini dan bersedia memberi segala bukti untuk mengatasinya.

Senator Kamarul Ariffin berkata, keluhan dan masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong Bumiputera tidak sepatutnya dipandang ringan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia